

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH ISIN, 2 NOVEMBER 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

Sabah, Lembah Klang catat 874 kes

Semua jangkitan babit penularan tempatan, Selangor rekod 225 kes

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sejumlah 957 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif 32,505 kes dengan jumlah kes aktif dan kebolehhajatan sebanyak 10,036 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua kes baharu yang dilaporkan semalam adalah penularan tempatan dan Sabah masih mencatat jumlah kes harian tertinggi dengan 644 kes atau 67.3 peratus daripada keseluruhan kes.

Selain Sabah, negeri di Lembah Klang mencatat 230 kes atau 24 peratus daripada keseluruhan kes.

"Sabah dan Lembah Klang mencatat 874 kes bersamaan 91.3 peratus daripada jumlah harian kes positif COVID-19.

"Ia berikutan lebih banyak pengesanan kes di negeri berkenaan



Ia berikutan lebih banyak pengesanan kes di negeri berkenaan susulan aktiviti di lapangan yang giat dijalankan termasuk pengesanan kontak rapat dan saringan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

susulan aktiviti di lapangan yang giat dijalankan termasuk pengesanan kontak rapat dan saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Plaza Hentian, Kajang yang mencatat 91 kes baharu hari ini (semalam).

"Sebanyak 80 kes atau 8.36 peratus disumbang oleh kluster dalam penjara atau berkaitan pusat tahanan sementara.

"Antaranya Pusat Tahanan Sementara Tawau 54 kes, Kluster Penjara Seberang Perai 14, Kluster Penjara Kepayan enam dan masing-masing tiga kes dalam Kluster Benteng Lahad Datu serta

Kluster Rumah Merah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Memperincikan pertambahan kes mengikut negeri, Dr Noor Hisham berkata, Selangor merekodkan 225 kes baharu semalam.

Ia diikuti Pulau Pinang, iaitu 23 kes, Labuan (18), Terengganu (15), Sarawak (11), Negeri Sembilan (lapan), Perak (lima), Kuala Lumpur (empat) dan masing-masing satu kes di Kedah, Melaka, Johor serta Putrajaya.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, katanya, sebanyak 972 kes sembuh dilaporkan atau 68.4 peratus daripada keseluruhan kes.




Petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) lengkap memakai set perlindungan diri membuat pemeriksaan di kawasan Plaza Hentian Kajang yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada hari kelima, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

Sabah kekal mencatat kes sembul harian tertinggi iaitu 658 kes diikuti Selangor (112), Negeri Sembilan (91), Kedah (41), Labuan (27), Pulau Pinang (24), Perak (10), Melaka (lima), Terengganu (dua) dan masing-masing satu kes di

Kuala Lumpur, Putrajaya serta Pahang.

Beliau memaklumkan, tiada pertambahan kes kematian dicatatkan semalam dan jumlahnya kekal 249 kes atau 0.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Dua kluster baharu di Selangor, Pulau Pinang



Orang ramai berjalan di hadapan premis Jalan Tuanku Abdul-Rahman yang kelihatan lengang susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), semalam.
(Foto BERNAMA)

Putrajaya: Dua kluster baharu dilaporkan semalam, membabitkan Selangor dan Pulau Pinang selepas saringan individu bergejala serta dalam kalangan pesakit jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster pertama dikesan di daerah Klang dan Petaling di Selangor yang dikenali sebagai Kluster Usaha.

"Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-30,697) dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 30 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), seramai 25 individu sudah disaring dan kita mengesan 17 individu positif COVID-19, lima individu negatif dan tiga lagi masih menunggu keputusan," katanya dalam kenyataan

di sini, semalam.

Beliau berkata, kluster kedua dikenali sebagai Kluster Tembaga yang dikesan di daerah Timur Laut dan Barat Daya di Pulau Pinang.

Dr Noor Hisham berkata, kes indeks bagi kluster itu (kes ke-29,359) dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan SARI pada 28 Oktober lalu dan saringan sudah dijalankan ke atas 69 individu.

"Daripada jumlah itu, tujuh individu dikesan positif COVID-19, manakala 13 individu negatif dan 49 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 35 kluster termasuk dua kluster baharu itu mencatat pertambahan kes positif COVID-19 semalam.

Katanya, kluster yang mencatat pertambahan kes tertinggi ialah Kluster Hentian, iaitu 90 kes diikuti Kluster Bah Manggis dengan 33 kes baharu.

Terkini COVID-19

972

pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

957

kes baharu disahkan, semalam

249

jumlah kematian dicatat

32,505

jumlah kes disahkan positif

10,036

kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Hospital Sungai Buloh terima anugerah

Kuala Lumpur: Pasukan COVID-19 Hospital Sungai Buloh mendapat pengiktirafan dengan menerima Anugerah Kesihatan Global (GHA) 2020 baru-baru ini berikutan usaha mereka memerangi pandemik itu.

Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit hospital itu, Dr C Suresh Kumar serta Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Dr Shaiful Azman Zakaria, menerima anugerah itu sebagai pejuang COVID-19.

Berita gembira itu dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menerusi media sosialnya, kelmarin.

"Setinggi-tinggi tahniah kepada Dr Suresh Kumar dan Dr Shaiful Azman serta seluruh pasukan COVID-19 di Hospital Sungai Buloh atas pengiktirafan di Global Health Awards 2020.

"Pencapaian yang sangat membanggakan. Negara mengucapkan terima kasih atas dedikasi, pengorbanan dan kecemerlangan yang ditunjukkan dalam usaha kita bersama-sama memerangi COVID-19," katanya.

Menurut laman sesawang GHA, anugerah Asia Pasifik serantau itu bertujuan mengiktiraf syarikat dalam pelbagai pasaran serantau yang mengekalkan pila-

waian yang tinggi secara konsisten dalam menyampaikan penjagaan berkualiti untuk mengembirakan pelanggan mereka di setiap peringkat dan dalam setiap interaksi.

Hospital Sungai Buloh ditetapkan sebagai hospital utama COVID-19 Malaysia sejak pandemik itu melanda negara pada Mac lalu.

Dr Suresh Kumar mempunyai pengalaman lebih 15 tahun se-

bagai perunding penyakit berjangkit di Hospital Sungai Buloh, manakala Dr Shaiful Azman mengkhusus dalam bidang anestesiologi dan rawatan rapi sejak 1996 dan pernah bekerja di Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kelantan.

Dr Suresh Kumar baru-baru ini berada di Sabah bagi membantu membendung penularan pandemik COVID-19 di negeri itu.

BERNAMA



Dr Shaiful Azman Zakaria

Pencapaian yang sangat membanggakan. Negara ucapkan terima kasih atas dedikasi, pengorbanan dan kecemerlangan yang ditunjukkan dalam usaha kita bersama-sama memerangi COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Dr Suresh Kumar menerima Anugerah Kesihatan Global 2020.

(Foto FB Noor Hisham Abdullah)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

6 www.hmetro.com.my @hmetromy HarijanMetro @hmetromy

Isnin 02.11.2020 | Harian Metro

covid-19

Oleh Murnaena
Muhammad Nasir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Hanya disebabkan kami memakai baju misi (pakaian seragam jururawat), sesetengah pihak memandang kami seperti membawa kuman dan virus sehingga ada yang tidak membenarkan kami masuk membeli barangan di kedai runcit," kata jururawat, Nurul Izzati Liyana Mohd Azhar, 29.

Itulah antara kisah dikongsi Nurul Izzati Liyana yang 'disisih' masyarakat hanya kerana pakaian seragam jururawat (uniform) dipakainya didakwa membawa kuman.

Nurul Izzati Liyana memuat naik perkongsian itu di

'Uniform kami tak bawa kumanlah!'

Jururawat akui rasa seperti 'disisih' apabila dapat layanan negatif dari kalangan masyarakat

status WhatsApp lalu dikongsi adiknya, Mohd Suhaim Mohd Azhar, 24, di Twitter sehingga mengundang pelbagai reaksi warganet.

Antara kisah lain yang dikongsikan termasuk ada pihak tidak mahu menaiki lif sama serta memarahi petugas kesihatan ketika mengisi minyak.

Menurutnya, semua petugas kesihatan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sebelum dan selepas bertugas.

"Jangan risau kami semua tidak menggunakan uniform (seragam) sama ketika menguruskan pesakit Covid-19.

"Uniform itu hanya dipakai ketika mengimbas kad perakam waktu sebelum bertugas dan kami memakai baju yang lain serta pakaian perlindungan diri (PPE) sepanjang bertugas.

"Uniform hanya dipakai semula selepas tamat tempoh bekerja dan kami mandi terlebih dahulu sebelum menarungnya dan pulang ke rumah.

"Malah, sejourus sampai di rumah kami akan mandi sekali lagi dan baju itu akan terus dicuci bagi mengelak sebarang kuman atau virus menjangkiti individu di rumah," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Nurul Izzati Liyana berkata, terdapat SOP khusus penjagaan pesakit Covid-19 di hospital bagi mencegah penularan wabak itu kepada masyarakat umum.

"Tidak salah untuk bersikap paranoid demi menjaga kesihatan diri namun biarlah tindakan itu diikuti dengan pengetahuan yang betul.

"Saya juga ada keluarga di rumah dan kerana itu saya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak berlaku apa-apa yang tidak diinginkan kepada mereka," katanya.

Wanita yang bertugas di Hospital Tunku Azizah Kuala

Lumpur itu berkata, dia pernah memakai PPE daripada plastik sampah pada peringkat awal pandemik ini dan berharap masyarakat tidak melayaninya seperti 'membawa virus'.

"Tujuh jam memakai PPE lengkap sudah terasa panasnya, apatah lagi memakai PPE yang diperbuat daripada plastik sampah.


"Banyak yang dikorbankan petugas kesihatan ketika

pandemik ini, bukan saja berpanas, malah ada yang tidak berjumpa keluarga lebih dua bulan bagi memastikan orang lain selamat," katanya.

Menurutnya, masyarakat seharusnya tetap mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan dan sama-sama bertanggungjawab menangani Covid-19.

"Tidak seperti dulu, masyarakat kini semakin tenang dan bersikap mudah mengenai sesuatu perkara.

"Peningkatan kes Covid-19 sepatutnya membuka mata masyarakat supaya lebih berjaga-jaga," katanya yang mempunyai lapan tahun pengalaman dalam bidang jururawatan.



"Banyak yang dikorbankan petugas kesihatan ketika pandemik ini"

Nurul Izzati

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Catat 957 kes positif

Semua kes baharu jangkitan dalam negara, 644 kes di Sabah

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes baharu positif Covid-19 di dalam negara melonjak kepada 957 kes semalam berbanding 659 kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan wabak itu 32,505 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 10,036 kes.



Ada 97 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 27 kes memerlukan bantuan pernafasan”

Dr Noor Hisham

Menurutnya, semua kes baharu hanya membabitkan jangkitan dalam negara, dengan 644 kes dilaporkan di Sabah.

“Ia membabitkan kes dari kluster sedia ada, saringan

kontak rapat dan saringan lain manakala 225 kes dilaporkan di Selangor, Pulau Pinang (23), Wilayah Persekutuan Labuan (18), Terengganu (15), Sarawak (11), Negeri Sembilan (8), Perak (5), Kuala Lumpur (4) dan masing-masing satu kes di Kedah, Melaka, Johor serta Putrajaya.

“Sebanyak 80 kes berkaitan pusat tahanan sementara dan kluster penjara terdiri daripada Pusat Tahanan Sementara Tawau (54 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (14), Kluster Penjara Kepayan (6), Kluster Benteng (3) dan Kluster Rumah Merah (3),” katanya dalam

kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, ada 97 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 27 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, tiada kes kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal sebanyak 249 kes atau 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, 972 kes pulih menjadikan jumlah kumulatifnya adalah 22,220 kes atau 68.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

Harian Metro | Isnin 02.11.2020


 @hmetromy | Facebook | HarijanMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my

9

covid-19

Pejuang virus dirai

Bernama

Kuala Lumpur

Pasukan koronavirus, Hospital Sungai Buloh dapat Anugerah Kesihatan Global (GHA) 2020



DR Suresh

Pasukan Covid-19 Hospital Sungai Buloh, Selangor mendapat pengiktirafan apabila menerima Anugerah Kesihatan Global (GHA) 2020 baru-baru ini berikutan usaha mereka memerangi pandemik itu.

Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit Dr C Suresh Kumar serta Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi Hospital Sungai Buloh Dr Shaiful Azman Zakaria, kedua-duanya menerima anugerah itu sebagai pejuang Covid-19.

Berita gembira itu dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi media so-



DR Shaiful Azman

sialnya kelmarin.

"Setinggi-tinggi tahniah kepada Dr Suresh Kumar dan Dr Shaiful Azman dan seluruh pasukan Covid-19 di Hospital Sungai Buloh atas

pengiktirafan di Global Health Awards 2020.

"Pencapaian yang sangat membanggakan! Negara mengucapkan terima kasih atas dedikasi, pengorbanan dan kecemerlangan yang ditunjukkan dalam usaha kita bersama-sama memerangi Covid-19," katanya.

Menurut laman sesawang Anugerah Kesihatan Global, anugerah Asia Pasifik serantau itu bertujuan mengiktiraf syarikat dalam pelbagai pasaran serantau yang mengekalkan piawaian yang tinggi secara konsisten dalam menyampaikan penjagaan berkualiti untuk mengembirakan pelanggan mereka di setiap peringkat dan

interaksi.

Hospital Sungai Buloh ditetapkan sebagai hospital utama Covid-19 Malaysia sejak pandemik itu melanda negara pada Mac lalu.

Dr Suresh Kumar mempunyai pengalaman lebih 15 tahun sebagai perunding penyakit berjangkit di Hospital Sungai Buloh manakala Dr Shaiful Azman mengkhusus dalam bidang anestesiologi dan rawatan rapi sejak 1996 dan pernah bekerja di Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kelantan.

Dr Suresh Kumar baru-baru ini berada di Sabah bagi membantu membendung penularan pandemik Covid-19 di negeri itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

957 kes penularan dalam negara

Dua kluster baharu dikesan iaitu Kluster Usaha di Selangor dan Kluster Tembaga di Pulau Pinang

KUALA LUMPUR

Kes positif baharu Covid-19 semalam kembali meningkat kepada 957 kes berbanding 659 kelmarin dengan kesemuanya melibatkan penularan dalam negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdulh berkata, bagaimanapun, jumlah kes pulih sepenuhnya mencatatkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 972 kes menjadikan kumulatif kes pulih sepenuhnya

sehingga kini sebanyak 22,220 kes atau 68.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes sebanyak 32,505 kes.

"Sebanyak 97 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 27 kes memerlukan bantuan pernafasan dan tiada kematian direkodkan hari ini (semalam)," katanya dalam satu kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes-kes baharu semalam melibatkan kes-kes di Sabah sebanyak 644, Selangor (225), Pulau Pinang (23), Labuan (18), Terengganu (15), Sarawak (11), Negeri Sembilan (8), Perak (5) dan Kuala Lumpur (4).

Selain itu, Kedah, Melaka,



DR NOOR HISHAM

Johor dan Putrajaya masing-masing mencatatkan satu kes.

"Jumlah kes tinggi di Sabah dan Lembah Klang yang menyumbang kepada 874 kes berikutan lebih banyak pengesanan dibuat di lapangan termasuk pengesanan kontak

rapat dan saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Plaza Hentian, Kajang yang mana 91 kes baharu dilapor hari ini (semalam).

"Sebanyak 80 kes berkaitan pusat tahanan sementara dan kluster-kluster penjara dilaporkan hari ini (semalam) yang terdiri daripada Pusat Tahanan Sementara Tawau sebanyak 54 kes, Kluster Penjara Seberang Perai (14), Kluster Penjara Kepyayan

(6), Kluster Benteng LD (3) dan Kluster Rumah Merah (3)," kata beliau.

Dr Noor Hisham berkata, dua kluster baharu turut dikesan iaitu Kluster Usaha melibatkan daerah Klang dan Petaling di Selangor serta Kluster Tembaga yang melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya Pulau Pinang

Bagi Kluster Usaha, dari 25 individu yang disaring sehingga semalam termasuk kes indeks ke 30,697 yang dikenal pasti positif Covid-19 Jumaat lepas, sebanyak 16 lagi disahkan positif, lima negatif dan tiga lagi masih menunggu keputusan.

Bagi Kluster Tembaga, dari kes indeks ke 29,359 yang dikenal pasti positif Rabu lepas, saringan ke atas kontak rapatnya telah mengesan enam lagi kes positif Covid-19 dan kesemua mereka telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

SITUASI TERKINI

COVID-19: KLUSTER BAHARU

KLUSTER USAHA (17 positif)
Kluster ini melibatkan daerah Klang dan Petaling di negeri Selangor.
Dua kluster baharu dikesan iaitu Kluster Usaha melibatkan daerah Klang dan Petaling di Selangor serta Kluster Tembaga yang melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya Pulau Pinang.


KLUSTER TEMBAGA (7 positif)
Kluster ini melibatkan daerah Timur Laut dan Barat Daya di negeri Pulau Pinang.
Dua kluster baharu dikesan semalam iaitu Kluster Usaha di Selangor dan Kluster Tembaga di Pulau Pinang.

Dua kluster baharu yang dikesan semalam iaitu Kluster Usaha di Selangor dan Kluster Tembaga di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam di bawah kluster berkenaan sejumlah 69 individu telah disaring yang menyaksikan tujuh kes dikesan positif, 13 negatif dan 49 lagi masih menunggu keputusan. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 8 malam 1 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 31,548 kes kepada 32,505 kes




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN:	32,505	PULIH: 22,220	ICU: 97	KEMATIAN: 249
				KES BAHARU: +957



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



Pasukan Hospital Sungai Buloh terima Anugerah Kesihatan Global 2020

KUALA LUMPUR - Pasukan Covid-19 Hospital Sungai Buloh, Selangor mendapat pengiktirafan apabila menerima Anugerah Kesihatan Global (GHA) 2020 baru-baru ini berikutan usaha mereka memerangi pandemik itu.

Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit, Dr C Suresh Kumar dan Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi Hospital Sungai Buloh, Dr Shaiful Azman Zakaria, kedua-duanya menerima anugerah itu sebagai pejuang Covid-19.

Berita gembira itu dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi media sosialnya di sini semalam.

"Setinggi-tinggi tahniah kepada Dr Suresh Kumar dan Dr Shaiful Azman dan seluruh pasukan Covid-19 di Hospital Sungai Buloh atas pengiktirafan di Global Health Awards 2020. Pencapaian yang sangat membanggakan! Negara mengucapkan terima kasih atas dedikasi, pengorbanan dan kecemerlangan yang ditunjukkan dalam usaha kita bersamasama memerangi coronavirus (Covid-19)," katanya.

Menurut laman sesawang Anugerah Kesihatan Global, anugerah Asia Pasifik serantau itu bertujuan untuk mengiktiraf syarikat dalam pelbagai pasaran serantau yang mengekalkan piawai yang tinggi secara konsisten dalam menyampaikan penjagaan berkualiti untuk menggembarakan pelanggan mereka di setiap peringkat dan dalam setiap interaksi.

Hospital Sungai Buloh ditetapkan sebagai hospital utama Covid-19 Malaysia sejak pandemik itu melanda negara pada Mac 2020.

Dr Suresh Kumar mempunyai pengalaman lebih 15 tahun sebagai perunding penyakit berjangkit di Hospital Sungai Buloh manakala Dr Shaiful Azman mengkhusus dalam bidang anestesiologi dan rawatan rapi sejak tahun 1996 dan pernah bekerja di Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kelantan.

Dr Suresh Kumar baru-baru ini berada di Sabah bagi membantu membendung penularan pandemik COVID-19 di negeri itu. - *Bernama*

Dr Suresh Kumar menerima anugerah sempena Anugerah Kesihatan Global 2020 baru-baru ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NEGERI

3,768 kes, enam kematian akibat denggi di Kelantan

KOTA BHARU - Sebanyak 3,768 jumlah kumulatif kes denggi dengan enam kes kematian akibat penyakit itu dicatatkan di Kelantan dalam tempoh Januari hingga kini.

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, ini sekali gus menunjukkan penurunan sebanyak 26.68 peratus berbanding 5,139 kes dengan enam kematian bagi tempoh sama pada tahun lepas.

"Di samping itu, sejumlah 356 episod wabak denggi telah dilaporkan di Kelantan berbanding 396 episod wabak denggi dalam tempoh sama pada 2019. Pada masa ini, sebanyak lima lokaliti wabak denggi yang aktif di seluruh negeri ini," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Jelasnya, pada minggu lepas hingga kelmarin, sebanyak 17 kes denggi dilaporkan berbanding minggu sebelumnya iaitu 21 kes.

"Daerah Kota Bharu menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 15 kes pada minggu lepas ber-

banding 14 kes minggu sebelumnya iaitu peningkatan satu kes," katanya.

Sementara itu, Dr Zaini berkata, melalui hasil pemeriksaan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mendapati sebanyak 14,670 daripada 338,136 premis dan kediaman penduduk mempunyai tempat pembiakan jentik-jentik atau aedes.

"JKNK juga telah mengeluarkan sebanyak 2,492 kompaun yang dicadang dengan nilai RM1,246,000," katanya yang turut memaklumkan sebanyak 797 notis dikeluarkan bagi arahan kerja pembersihan dan pemusnahan tempat berpotensi menjadi pembiakan aedes.

Selain itu, Dr Zaini berkata, peningkatan kes denggi dijangka berterusan sekiranya masyarakat masih tidak peduli untuk memastikan persekitaran rumah masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

"JKNK menyeru masyarakat agar segera membuat pemeriksaan di rumah kediaman," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes positif catat peningkatan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 naik semula hampir 300 kes berbanding kelmarin dengan mencatatkan 957 kes baharu selain pertambahan dua kluster baharu.

Bagaimanapun, jumlah kes pulih pula hampir menyamai kes positif baharu iaitu sebanyak 972 kes selain tiada kematian direkodkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif di negara ini adalah sebanyak 32,505 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan pula adalah 10,036 kes.

Katanya, Sabah masih mencatatkan kes tertinggi iaitu 644 kes manakala negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 230 kes sekali gus keempat-empat negeri itu menyumbang hampir keseluruhan kes iaitu sebanyak 874 kes (91.3 peratus).

"Lebih banyak pengesanan kes di negeri-negeri tersebut susulan aktiviti di lapangan yang giat dijalankan termasuk pengesanan kontak rapat.

"Ini termasuk saringan di kawasan Perintah Kawalan Per-



ANGGOTA polis dan tentera berkawal di Taman Semarak, Tawau Sabah, semalam yang diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco). - UTUSAN/FAUZAN AZIMA

gerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) di Plaza Hentian, Kajang yang mana melaporkan 91 kes baharu pada hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, dua kluster baharu yang dicatatkan ialah Kluster Usaha melibatkan daerah Klang dan Petaling, Selangor (17 kes) dan Kluster Tembaga di daerah Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang (tujuh kes).

Katanya, 80 kes yang direkodkan berkaitan pusat tahanan sementara dan kluster-kluster penjara seperti di Pusat Tahanan Sementara Tawau (54 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (14), Kluster Penjara KePAYAN (enam), Kluster Benteng LD (tiga) dan Kluster Rumah Merah (tiga).

Menurut Dr. Noor Hisham, perkembangan kes positif di negeri-negeri lain pula ialah Selangor (225 kes), Pulau Pinang

(23), Labuan (18), Terengganu (15), Sarawak (11) dan Negeri Sembilan (lapan).

"Di Perak pula mencatatkan lima kes, Kuala Lumpur (empat kes) manakala masing-masing satu kes di Kedah, Melaka, Johor dan Putrajaya.

"Sehingga kini, terdapat 97 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), yang mana 27 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! ISNIN 2 NOVEMBER 2020

972 kes sembuh mengatasi kes penularan harian 957 kes

Hari kedua tanpa kematian

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara mencatatkan kes Covid-19 tanpa kematian untuk dua hari berturut-turut sekali gus jumlah keseluruhan kekal dengan 249 kes selain merekodkan angka pulih 972 kes iaitu melebihi penularan baharu semalam.

Sebanyak 35 kluster aktif mencatatkan pertambahan kes semalam menjadi antara penyumbang kepada bilangan kes harian negara dengan 957 kes baharu direkodkan dan kesemuanya penularan tempatan.

Pada masa sama, bilangan kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada wabak tersebut adalah 22,220 kes.

Angka 972 kes sembuh harian adalah merupakan jumlah kedua tertinggi pesakit Covid-19 sejak pandemik ini melanda negara.

Daripada jumlah kluster aktif semalam, dua daripadanya kluster baharu iaitu Kluster Usaha di daerah Klang dan Petaling, Selangor serta Kluster Tembaga di daerah Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang.

Selain itu, kes kematian berkaitan Covid-19 tidak dilaporkan semalam dan jumlah itu kekal 249 kes atau 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah mencatatkan sebanyak 644 kes atau 67.3 peratus, manakala negeri-negeri di



PASUKAN keselamatan berkawal di Taman Semarak, Tawau semalam yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). – FAUZAN AZIMA

Lembah Klang pula mencatatkan 230 kes atau 24 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Menurutnya, keempat-empat negeri ini telah menyumbang hampir keseluruhan kes iaitu sebanyak 874 kes atau 91.3 peratus daripada jumlah harian kes positif Covid-19.

"Ini berikutan lebih banyak pengesanan kes susulan aktiviti di lapangan yang giat dijalankan

termasuk pengesanan kontak rapat dan saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Plaza Hentian, Kajang yang melaporkan 91 kes baharu hari ini (semalam).

"Sebanyak 80 kes pula atau 8.36 peratus berkaitan pusat tahanan sementara dan kluster-kluster penjara iaitu Pusat Tahanan Sementara Tawau (54 kes),

Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes), Kluster Penjara Kepayan (enam kes), Kluster Benteng LD dan Kluster Rumah Merah masing-masing tiga kes," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, Kluster Usaha yang dilaporkan semalam membabitkan kes indeks seorang lelaki berusia 29 tahun dikenal pasti hasil sa-



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	957
Import: 0 Tempatan: 957	
• Pulih	972
• Kematian	0
• Masih dirawat	10,036
• Jumlah kes sembuh	22,220
• Jumlah Kematian	249
Jumlah kes keseluruhan	32,505

ringan individu bergejala pada 30 Oktober.

"Saringan kontak rapat terhadap 25 individu telah mengesan sebanyak 16 lagi kes positif melibatkan 13 warga Malaysia serta tiga warga asing dan kesemua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, manakala tiga individu masih menunggu keputusan," katanya.

Bagi Kluster Tembaga, beliau berkata, ia melibatkan kes indeks wanita berusia 81 tahun yang positif hasil saringan jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) pada 28 Oktober dan susulan itu, enam lagi dikenal pasti positif selepas saringan terhadap 69 individu.

"Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang, manakala 49 individu lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, terdapat 97 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan 27 kes memerlukan bantuan pernafasan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Covid-19 #kitamestimenang

Dua petugas Hospital Sungai Buloh terima pengiktirafan global **Agong zahir ucapan tahniah**



AL-SULTAN ABDULLAH

